Latihan Fuad tak terjejas

Seremban: Petinju negara, Muhamad Fuad Mohd Redzuan, bersyukur kerana program latihannya tidak terjejas walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang dikuatkuasakan.

Pemenang pingat emas Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 itu berkata, latihannya di bawah bimbingan jurulatih Azmi Mohd Yunus berjalan lancar tanpa sebarang masalah, biarpun perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Latihan berjalan seperti biasa, cuma kena patuh SOP iaitu tidak boleh mengadakan latihan sparring.

"Walaupun tiada sparring, buat masa ini ia mencukupi kerana latihan perlu dilaksanakan berterusan bagi mendapatkan semula tahap kecergasan terbaik, tambahan pula tiada kejohanan yang boleh disertai.

"Sehingga kini sudah tiga minggu latihan dijalankan di Keramat, Kuala Lumpur, namun masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai tahap prestasi terbaik menjelang Sukan SEA 2021 di Vietnam," katanya.

Petinju berasal dari Negeri Sembilan itu sedar dia perlu bekerja keras menjalani latihan kerana bakal beraksi dalam kategori baharu, 52 kilogram (kg) berbanding 49kg sebelum ini.

Dia akui kategori berkenaan lebih mencabar kerana akan berhadapan dengan bentuk fizikal petinju lawan yang berbeza.

"Persiapan perlu lebih rapi, tambahan pula sudah lama tidak menyertai apa-apa kejohanan untuk menguji kemampuan diri sejak wabak pendemik COVID-19.

"Malah, sepanjang tahun lalu, saya hanya menjalani latihan yang singkat sekitar dua bulan kerana komitmen kerja dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)," katanya.

Scanned with CamScanner